



100-BP (PTA 6/7/3) 29/10/11

Page 01 of 11

(5)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING JAWATANKUASA PENILAIAN DAN PENGGUNAAN KOMPUTER (JPPK)

BILANGAN 1/2011

Semua Staf

KETUA JABATAN/ BAHAGIAN/ PUSAT/ UNIT
DEKAN FAKULTI / REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof / Tuan/ Puan



PERMOHONAN PEMBELIAN DAN SEWAAN PERALATAN ICT & APD KE JAWATANKUASA PENILAIAN DAN PENGGUNAAN KOMPUTER (JPPK)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof / Tuan/ Puan, permohonan bagi pembelian dan sewaan peralatan ICT dan APD (Alat Pandang Dengar) ke JPPK hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Permohonan yang tidak disokong oleh Ketua PTJ tidak akan diproses sebaliknya akan ditolak secara automatik.
3. Setiap permohonan mestilah disertakan dengan maklumat yang lengkap yang diperlukan oleh JPPK. Permohonan yang tidak lengkap atau tidak menyatakan maklumat yang dikehendaki akan ditolak secara automatik. Maklumat tersebut ialah:
 - a. Sumber peruntukan yang digunakan. Contoh Tabung Amanah Pelajar, Bajet Pengurusan Fakulti dsb.
 - b. Bilangan atau kuantiti peralatan/ perkakasan/ perisian (lesen) yang hendak dibeli atau disewa.
 - c. Anggaran harga bagi setiap peralatan dinyatakan dengan jelas untuk peralatan/ perkakasan/ perisian (lesen) yang hendak dibeli atau disewa.
 - d. Justifikasi penggunaan peralatan/ perkakasan/ perisian (lesen) yang hendak dibeli atau disewa tersebut dinyatakan dengan jelas.
4. Setiap ahli JPPK telah diperturunkan kuasa untuk meluluskan pembelian yang jumlahnya di bawah anggaran harga RM500 tanpa perlu melalui mesyuarat JPPK (Minit Bilangan 2 bertarikh 9 Februari 2011 adalah dirujuk).
5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memanjangkan pemakluman ini kepada staf d. bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PROF IR DR HJ ABDUL RAHMAN OMAR
Penolong Naib Canselor
Pembangunan, Pengurusan Fasiliti & ICT
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer

B. Halimah
w/6 hindelva

KL
16/5/2011

Rujukan : 100-BP (PTA 6/7/3)
Tarikh : 1 APRIL 2011